

SAINS, PAIP TERUSKAN PEMBELIAN BEKALAN AIR BAGI GUGUSAN FELDA SERTING HILIR



12/12/2023 06:24 PM

SEREMBAN, 12 Dis (Bernama) – Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (SAINS) dan Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) meneruskan usaha sama pembelian bekalan air pukal bagi gugusan Felda Serting Hilir melibatkan 1,600 akaun pengguna.

Ketua Pegawai Eksekutif SAINS Mohd Yazid Ahmad berkata pembelian air terawat dari Pahang melalui Loji Rawatan Air (LRA) Bera ini dapat dimanfaatkan kepada pengguna di Felda Serting Hillir satu hingga tujuh iaitu kedudukannya di penghujung sistem retikulasi SAINS dan juga bersempadan dengan Pahang.

Beliau berkata melalui perjanjian SAINS dan PAIP, harga pembelian ditetapkan pada 0.86 sen per meter padu.

"SAINS telah menjalankan kajian dan penilaian kemampuan infrastruktur bekalan air di kawasan Felda Serting Hilir dan pembelian bekalan air pukal ini merupakan penyelesaian terbaik buat masa ini," katanya pada sidang media selepas majlis menandatangani perjanjian bekalan air pukal antara SAINS dengan PAIP yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Saiful Zaini Mohd Bokhari.

Terdahulu, majlis itu disaksikan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan Datuk Seri Aminuddin Harun dan Menteri Besar Pahang Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Dalam pada itu, Saiful Zaini berkata penggunaan air berkenaan melibatkan kira-kira 2.5 juta liter sehari.

"Perjanjian ini diharapkan dapat memberi impak dan manfaat kepada pengguna di Felda Serting Hilir dan kawasan sekitarnya.

"Harga ditetapkan minimum iaitu 0.86 sen, setelah kami bermesyuarat caj dikenakan berpatutan dan mengambil kira semangat perpaduan kedua-dua negeri," katanya.

Tempoh perjanjian berkenaan ialah setahun dan pilihan untuk diperbaharui setiap tiga tahun. Perjanjian bekalan air pukal antara dua negeri itu telah bermula sejak Mei 1997.